

# Salur maklumat kepada Johor

um 3/2

KUALA LUMPUR 2 Feb.— Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad meminta Kerajaan Pusat menyalurkan maklumat hasil kajian kesan penambakan Pulau Tekong oleh Singapura kepada kerajaan negeri Johor.

Beliau percaya maklumat dan data yang ada dapat membantu kerajaan negeri mencari punca yang menyebabkan banjir besar baru-baru ini.

Selain itu, katanya, maklumat yang ada mungkin dapat membantu mengukuhkan dakwaan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman bahawa kerja penambakan merupakan antara punca banjir besar melanda Johor baru-baru ini.

“Kita menganggotai jawatankuasa bersama yang menjalankan kajian kesan kerja-kerja penambakan itu. Sudah tentu kita mempunyai maklumat.

“Oleh itu, serah kepada kerajaan negeri. Jangan simpan-simpan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas laporan muka depan *Utusan Malaysia* mengenai kerja-kerja penambakan oleh Singapura di Pulau Tekong sudah terlalu hampir dengan daratan Malaysia.

Akibatnya, kesan-kesannya kini sudah dirasakan oleh penduduk di pesisir pantai sebelah negara ini.

Dalam tinjauan di beberapa kawasan berhampiran seperti di Kampung Tanjung Buai dan Kampung Tanjung Surat di muara Sungai Johor mendapati wujudnya beting-beting pasir yang menghalang pergerakan aliran sungai berpunca daripada perubahan pergerakan arus di perairan itu.